

CNS3520

R PB 18-08 00271 BR488

Bah

DR MAHATHIR MAHU TAHU PENDIRIAN ANGGOTA PAS TERHADAP ARQAM

JITRA, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau mahu tahu apakah pendirian anggota PAS terhadap pegangan yang dibawa oleh pergerakan Al-Arqam.

Katanya, walaupun pemimpin-pemimpin PAS seperti Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Haji Fadzil Noor telah menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan tindakan kerajaan terhadap Al-Arqam tetapi apa yang diceritakan di kampung-kampung ialah kononnya kerajaan menekan pendakwah Islam.

"Kalau dia anggap ajaran Arqam adalah Islam, bermakna dia bersetuju dengan ajaran Arqam yang mendakwa bahawa Ashaari (pemimpin Arqam, Ashaari Muhammad) mempunyai sifat-sifat tuhan dan Ashaari sudah lupa kepada Nabi Muhammad. Saya nak tahu sama ada ahli-ahli PAS percaya itu ataupun tidak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baru Perpustakaan Awam Jitra di sini, hari ini.

Sementara itu, apabila ditanya mengenai perjumpaannya dengan jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Kedah di Wisma Darul Aman tengah hari tadi, Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata, beliau hanya menjelaskan perkara-perkara biasa berkenaan pengurusan UMNO dan fitnah yang dilemparkan oleh parti PAS terhadap parti itu.

"Umpamanya dengan membaca surat saya kepada Nik Aziz cuma separuh sahaja untuk memberi gambaran bahawa kita menolak hukum hudud sedangkan yang kita tolak ialah kanun jenayah PAS bukan hukum hudud," katanya.

"Tetapi dia nak sembunyi itu, dia punya pemimpin cakap lain ... di kampung-kampung dia cerita lain. Ini tabiat PAS," tambahnya.

Katanya, PAS bercakap kononnya Islam adalah panduannya dan bercakap mengenai hendak mendirikan kerajaan yang berpegang kepada Islam tetapi dalam partinya sendiri pun PAS tidak mampu berpandu kepada Islam. -- Bernama.

KHY OBA

▼18/08/20-45MST